

**MENGENALPASTI FAKTOR MOTIVASI DALAM MEMPENGARUHI PROSES
PEMBELAJARAN KENDIRI PELAJAR : TINJAUAN DI SEKOLAH
MENENGAH TEKNIK PERSIARAN BRASH DAN LEBUH CATUR, IPOH
PERAK, KURSUS PERDAGANGAN TINGKATAN 5.**

NORAZWA BINTI AHMAD ZOLKIFLI @ UDA

Projek Sarjana ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknik Dan Vokasional)

Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn

Mac 2003

DEDIKASI

Alhamdulillah.....

Dipanjatkan kesyukuran ke hadrat Illahi yang bagiNya segala ilmu di alam ini.

Buat ayahanda Ahmad Zolkifli @ Uda Bin Zakaria dan Bonda Norrani Bt Ahmad yang amat anakanda sayangi, apa yang telah kalian harapkan akhirnya dimakbulkan olehNya. Ketahuilah bahawa kalian adalah sumber inspirasi anakanda untuk mengejar impian dan harapan. Kerana kalian anakanda telah dapat mengharungi segala liku-liku kehidupan dalam mengejar cita-cita ini. Tanpa kalian anakanda tak akan sampai ke tahap ini. Terima kasih diucapkan. Jasa kalian akan anakanda balas suatu hari nanti.....

Teristimewa juga ditujukan kepada kekanda Shahrul Aniza dan NorZaridah serta adinda Mohd Huzaini, Mohamad Huzairy dan Mohamad Dzulhariff yang amat dikasihi, segala dorongan dan tiupan semangat daripada kalian atas segalanya pasti tidak akan dilupakan. Semoga segala pengorbanan kalian akan dibalas dengan nikmat dan rahmat dariNya selagi hayat dikandung badan.

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kuniannya saya dapat juga menyiapkan projek sarjana yang telah diamanatkan kepada saya.

Ucapan setinggi-tinggi terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan khas untuk Tuan Haji Mohd Salleh Bin Tahar selaku penyelia projek ini yang telah banyak memberi tunjuk ajar, bimbingan, nasihat, maklumat dan juga berkorban meluangkan masa kepada saya sehingga saya telah berjaya menyiapkan projek sarjana ini.

Jutaan terima kasih juga saya berikan kepada guru-guru di Sekolah Menengah Teknik Persiaran Brash dan Sekolah Menengah Teknik Lebu Catur serta kepada semua pelajar kursus Perdagangan Tingkatan 5 kerana sudi memberikan kerjasama dan memberikan maklumat yang amat diperlukan bagi menyiapkan projek sarjana ini.

Tidak lupa juga sekalung penghargaan kepada rakan-rakan seperjuangan yang sama-sama menghulurkan bantuan dan memberikan sokongan sepanjang projek sarjana ini dilaksanakan. Kerjasama dan dorongan serta galakan dari kalian amat dihargai.

Akhir sekali ucapan terima kasih ini juga dituju kepada sesiapa sahaja yang turut terlibat dalam menjayakan projek sarjana ini sesungguhnya hanya Dia yang maha esa saja mampu membalasnya kepada semua.

ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor motivasi dapat mempengaruhi dalam proses pembelajaran sendiri pelajar. Kajian ini telah dilakukan ke atas 98 orang pelajar-pelajar tingkatan 5 dari kursus perdagangan Sekolah Menengah Teknik Persiaran Brash dan Sekolah Menengah Teknik Lebu Catur, Ipoh Perak. Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik dalam mendapatkan data. Data yang telah diperolehi dianalisis dengan menggunakan program *Statistical Program For Social Sciences* (SPSS) versi 10.0 dan dipersembahkan dalam bentuk carta, peratusan dan juga membuat keterangan analisis. Statistik deskriptif dan korelasi juga digunakan untuk menganalisis maklumat tersebut. Hasil dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa faktor motivasi iaitu faktor dalaman, faktor luaran dan faktor persekitaran mempunyai hubungan dengan proses pembelajaran sendiri pelajar. Selain daripada itu juga, kajian ini dapat melihat hubungan di antara kedua-dua pembolehubah mempunyai hubungan yang positif di antara satu lain. Dengan itu, ini dapat menunjukkan bahawa faktor motivasi iaitu faktor dalaman pelajar, faktor luaran dan faktor persekitaran adalah signifikan terhadap proses pembelajaran sendiri pelajar. Di akhir kajian ini juga telah terhasilnya satu garis panduan kepada mereka yang memerlukan khususnya kepada pelajar-pelajar dalam memilih proses pembelajaran untuk mereka mencapai kecemerlangan dalam pelajaran dan juga kepada pakar-pakar motivasi dalam memberi nasihat dan panduan kepada pelajar-pelajar sekolah Menengah khasnya pelajar-pelajar Sekolah Menengah Teknik yang terdapat di Malaysia.

ABSTRACT

The purpose of this research to identify motivation factors that can influence an independent study process. This research involved 98 respondents, which are the form 5 students from Sekolah Teknik Persiaran Brash and Sekolah Teknik Lebu Catur that were taking commerce course. The data are being collected through questionnaires. The data are being analysed through SPSS (Statistical Program For Social Science) version 10 programs and it involved the presentation of chart, percentage and also some analysis explanation. The findings show that motivation factors specifically intrinsic and extrinsic and not to forget the environment motivation factors that related with independent study. In fact, it shows a relationship between two variables with a positive relationship. Therefore, it shows that motivation factors specifically student's intrinsic and extrinsic motivation, plus the environment motivation are significant with student independent study process. This research also contributed to the development of a guideline to people who needed it especially to students that were decide to use an independent study for excel in studying. It also can be use by motivator to apply in all technique school and secondary school in Malaysia by giving a counsel and guidelines about their study.

ISI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN	ii
	HALAMAN DEDIKASI	iii
	HALAMAN PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSRTACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI RAJAH	xii
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI SINGKATAN	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xv
I	Pengenalan	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	2
	1.3 Pernyataan Masalah	4
	1.4 Objektif Kajian	5
	1.5 Persoalan Kajian	5
	1.6 Hipotesis Kajian	6
	1.7 Kepentingan Kajian	7
	1.8 Batasan Kajian	7
	1.9 Definisi Istilah dan Pengoperasian	8
	1.9.1 Pengaruh	8
	1.9.2 Motivasi	9

1.9.3	Proses Pembelajaran Mandiri	9
1.9.4	Pelajar	10
1.10	Kesimpulan	10

II TINJAUAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	11
2.2	Konsep Motivasi	12
2.3	Pembelajaran	15
2.4	Pembelajaran Mandiri	16
2.5	Teori Dan Model Motivasi	18
2.5.1	Teori Pembelajaran Sosial	19
2.5.2	Teori Pelaziman Klasik	20
2.5.3	Teori Pelaziman Operan	22
2.5.4	Teori Konstruktivisme	23
2.5.5	Model Teori Harapan	25
2.5.6	Model Penetapan Matlamat	26
2.5.7	Model Kajian	27
2.6	Kajian-Kajian Lepas	28
2.6.1	Pembelajaran Masteri	29
2.6.2	Pembelajaran Kadar Kendiri (PKK)	30
2.6.3	Pembelajaran Terarah Kendiri	31
2.6.4	Pembelajaran Akses Kendiri	32
2.6.5	Komponen Pembelajaran Kendiri	32
2.7	Kesimpulan	34

III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	35
3.2	Rekabentuk Kajian	36
3.3	Sampel Kajian	36
3.4	Skop Kajian	37
3.5	Pengumpulan Data	37
	3.5.1 Instrumen Kajian	38
3.7	Kaedah Penganalisaan Data	40
	3.7.1 Kaedah Peratusan Mudah	41
	3.7.2 Analisis Deskriptif dan Frekuensi	41
	3.7.3 Analisis Korelasi	42
3.8	Prosedur Kajian	43
3.9	Kajian Rintis	44
3.10	Kesimpulan	45

IV ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	46
	4.1.1 Persoalan Kajian	47
	4.1.2 Hipotesis Kajian	48
4.2	Latar Belakang Responden	48
	4.2.1 Jantina	49
	4.2.2 Bangsa	50
	4.2.3 Aliran	52
	4.2.4 Purata Pendapatan Keluarga	53
	4.2.5 Keputusan Penilaian Menengah Rendah (PMR)	55
4.3	Analisis Deskriptif Menggunakan Skor Min	56
	4.3.1 Faktor Dalaman Pelajar	57

4.3.2	Faktor Luaran Pelajar	60
4.3.3	Faktor Persekitaran Pelajar	63
4.4	Analisis Hubungan Berdasarkan Korelasi	65
4.4.1	Analisis Hubungan Di Antara Faktor Dalaman Pelajar Serta Kesannya Terhadap Proses Pembelajaran Kendiri.	66
4.4.2	Analisis Hubungan Di Antara Faktor Luaran Pelajar Serta Kesannya Terhadap Proses Pembelajaran Kendiri.	67
4.4.3	Analisis Hubungan Di Antara Faktor Persekitaran Pelajar Serta Kesannya Terhadap Proses Pembelajaran Kendiri.	69
4.5	Kesimpulan	70

V PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	71
5.2	Perbincangan	72
5.2.1	Faktor dalaman pelajar dalam mempengaruhi proses pembelajaran sendiri	73
5.2.2	Faktor luaran pelajar dalam mempengaruhi proses pembelajaran sendiri	77
5.2.3	Faktor Persekitaran pelajar dalam mempengaruhi proses pembelajaran sendiri	81
5.3	Cadangan	84
5.3.1	Pelajar	85
5.3.2	Guru	86
5.3.3	Sekolah	88
5.4	Kesimpulan	89

VI CADANGAN REKABENTUK PRODUK

6.1	Pengenalan	90
6.2	Latar Belakang Teori Penghasilan Produk	91
6.3	Objektif Penghasilan Produk	91
6.4	Rekabentuk Produk	92
	6.4.1 Bentuk Dan Ciri-Ciri Produk	92
6.5	Kronologi Pembinaan Produk	93
6.6	Permasalahan Dalam Pembinaan Produk	94
6.7	Dokumentasi Produk	95
6.8	Kesimpulan	95

SENARAI BIBLIOGRAFI DAN RUJUKAN	97
----------------------------------------	----

LAMPIRAN	103
-----------------	-----



SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
Rajah 2.1	Model Teori Pelaziman Operan.	22
Rajah 2.2	Model Teori Harapan.	25
Rajah 2.3	Model Teori Penetapan Matlamat Locke.	26
Rajah 2.4	Model Kajian.	27
Rajah 2.5	Prosedur Pembelajaran Masteri.	29
Rajah 2.6	Kemahiran-Kemahiran Yang Diperlukan Untuk Meningkatkan Arah-Kendiri Bagi Setiap Pelajar.	31
Rajah 4.1	Peratusan Responden Mengikut Jantina.	50
Rajah 4.2	Peratusan Responden Mengikut Bangsa.	51
Rajah 4.3	Peratusan Responden Mengikut Aliran.	52
Rajah 4.4	Peratusan Responden Mengikut Purata Pendapatan Keluarga Sebulan.	54
Rajah 4.5	Peratusan Responden Mengikut Keputusan PMR.	56
Rajah 6.1	Kronologi Pembinaan Produk Berbentuk Garis Panduan.	94

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 3.1	Item-item Skala Likert Yang Digunakan Dalam Kajian.	40
Jadual 3.2	Jadual Tahap Kecenderungan.	42
Jadual 3.3	<i>Guilford's Rule Of Thumbs.</i>	43
Jadual 3.4	Dapatan Daripada Kajian Rintis.	44
Jadual 4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina.	49
Jadual 4.2	Taburan Responden Mengikut Bangsa.	51
Jadual 4.3	Taburan Responden Mengikut Aliran.	52
Jadual 4.4	Taburan Responden Mengikut Purata Pendapatan Keluarga Sebulan.	53
Jadual 4.5	Taburan Responden Mengikut Keputusan PMR.	55
Jadual 4.6	Skor Min Bagi Bahagian B Iaitu Faktor Dalaman Pelajar Yang Dapat Mempengaruhi Dalam Proses Pembelajaran Kendiri.	57
Jadual 4.7	Skor Min Bagi Bahagian B Iaitu Faktor Luaran Pelajar Yang Dapat Mempengaruhi Dalam Proses Pembelajaran Kendiri.	60
Jadual 4.8	Skor Min Bagi Bahagian B Iaitu Faktor Persekitaran Pelajar Yang Dapat Mempengaruhi Dalam Proses Pembelajaran Kendiri.	63
Jadual 4.9	Jadual Korelasi Bagi Faktor Dalaman Dengan Proses Pembelajaran Kendiri.	66
Jadual 4.10	Jadual Korelasi Bagi Faktor Luaran Dengan Proses Pembelajaran Kendiri.	68
Jadual 4.11	Jadual Korelasi Bagi Faktor Persekitaran Dengan Proses Pembelajaran Kendiri.	69

SENARAI SINGKATAN

SPSS	:	<i>Statistical Program For Social Sciences.</i>
PMR	:	Penilaian Menengah Rendah.
KUiTTHO	:	Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

	TAJUK	MUKA SURAT
Lampiran A	Borang Soal Selidik.	103
Lampiran B	Kajian Rintis.	108
Lampiran C	Jadual Frekuensi Latar Belakang Responden daripada SPSS.	110
Lampiran D	Jadual Frekuensi Faktor Dalaman Responden daripada SPSS.	112
Lampiran E	Jadual Frekuensi Faktor Luaran Responden daripada SPSS.	117
Lampiran F	Jadual Frekuensi Faktor Persekitaran Responden daripada SPSS.	122
Lampiran G	Surat Kebenaran	127
Lampiran H	Reka bentuk Produk	129



BAB I

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Konsep pembelajaran sendiri merupakan satu proses pembelajaran yang baru dalam sistem pendidikan di Malaysia. Ini mampu melahirkan satu generasi yang dapat membudayakan penjiwaan ilmu dalam kehidupan seharian mereka. Hasilnya nanti akan lahir masyarakat yang progresif dalam pemikiran, pengetahuan dan berkemahiran. Budaya ini akan menguntungkan Malaysia kerana ia dapat mengoptimumkan produktiviti sumber negara yang paling berharga iaitu rakyat Malaysia.

Rata-rata masyarakat Malaysia masih lagi memandang pendidikan sebagai tiket untuk berjaya di bidang pekerjaan akan datang. Ibu bapa akan menghantar anak-anak mereka ke sekolah dengan harapan mereka akan mendapat keputusan peperiksaan yang cemerlang, berjaya memasuki institusi pengajian tinggi dan seterusnya mendapat pekerjaan yang baik kelak. Hasil daripada pandangan ini, proses pembelajaran dalam sistem pendidikan perlu dipelbagaikan agar pelajar dapat memilih cara mereka sendiri dalam membuat pemilihan semasa di dalam proses pembelajaran.

Justeru itu persepsi masyarakat terhadap budaya pelajar untuk lulus peperiksaan harus ditukar kepada proses pembelajaran sendiri. Konsep ini mempunyai matlamat yang tinggi dan murni iaitu dapat melahirkan ahli masyarakat yang mencintai ilmu dan sentiasa bersedia dan berusaha untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman. Pembelajaran sendiri ini akan dapat melahirkan sumber manusia yang berkualiti dalam aspek pemikiran, sahsiah, ilmu dan kemahiran. Sekiranya konsep pembelajaran sendiri ini dijadikan budaya pembelajaran di Malaysia, kerjasama yang berterusan dari pihak ibu bapa, sekolah, masyarakat dan kerajaan perlu untuk menjayakannya.

Persoalan tentang cara pelajar belajar sentiasa mendapat perhatian para pendidik dan penyelidik. Kefahaman tentang cara pelajar belajar adalah penting demi membantu pelajar dalam proses pembelajaran mereka kerana seperti yang diketahui, pendekatan pembelajaran yang digunakan oleh pelajar mempunyai kesan terhadap hasil pembelajaran mereka nanti. Seperti yang ditakrifkan oleh (Biggs, 1989) pendekatan pembelajaran merangkumi motif dan strategi pembelajaran. Pelajar-pelajar mempunyai motif sendiri untuk belajar dan menggunakan strategi-strategi tertentu untuk memperolehi sesuatu hasil daripada pembelajaran.

1.2 Latar Belakang Masalah

Pendidikan di seluruh negara ketika ini masih berbentuk keseluruhan, sehinggakan kaedah pembelajaran dan pengajaran sangat seragam. Peluang untuk pelajar belajar mengikut minat, kecenderungan dan keupayaan sendiri hampir tidak wujud. Ini adalah satu kelemahan konsep pemusatan atau keseragaman. Kalau pendidikan lebih mengutamakan pelanggan iaitu pelajar serta profesionalisme, sudah pasti strategi dan amalan keseragaman tidak sesuai lagi. Pendidikan yang

berinteraksikan guru tidak sesuai dan melanggar konsep profesionalisme. Sebaliknya pendidikan yang berorientasikan pelajar dan pembelajaran yang lebih secocok dan menepati prinsip profesionalisme pengurusan.

Pembelajaran secara individu mempunyai makna yang sangat luas. Salah satu kaedah belajar sendiri atau secara individu ialah pembelajaran sendiri, iaitu pelajar sendiri menyelidik sesuatu bidang yang diminati (Abd Rahim Selamat, 1989). Di dalam kaedah ini, ia dapat memberikan pelajar memperolehi pengetahuan, kemahiran dan sikap tentang bidang yang ia perlukan. Kaedah pembelajaran juga dapat disesuaikan mengikut kebolehan pelajar. Apabila pelajar sendiri yang menentukan bidang yang dipilih, cara dan masa pembelajaran, motivasi belajar lebih tinggi dan hasil pembelajaran lebih berkesan.

Proses pembelajaran cara begini akan menekankan tanggungjawab pelajar itu sendiri, sambil guru mengajar mereka cara belajar yang sebenarnya. Lama kelamaan kaedah ini boleh mewujudkan pelajar yang berdikari dan ia juga dapat memberi kemahiran-kemahiran seperti mencari maklumat, menjalankan kajian luar dan bermacam lagi kemahiran yang dapat mendisiplinkan seorang pelajar dan memotivasikan diri sendiri.

Dalam situasi pembelajaran, motivasi amat penting untuk menimbulkan minat pembelajaran kepada pelajar supaya mereka terus berusaha untuk menguasai sesuatu pengetahuan dan juga kemahiran yang mereka ingin terokai. Dengan itulah, salah satu perkara penting yang perlu diambil kira ialah untuk menentukan rancangan yang dapat menimbulkan motivasi pelajar-pelajar serta menyelaraskan kaedah pengajaran untuk mencapai kecemerlangan di peringkat yang lebih tinggi lagi.

1.3 Pernyataan Masalah

Pembelajaran ialah proses pemerolehan maklumat dan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan tabiat serta pembentukan sikap dan kepercayaan. Proses pembelajaran sebenarnya akan berlaku pada setiap manusia sepanjang hayat mereka. Pembelajaran akan dapat membawa kepada perubahan pada seseorang kerana kejayaan atau kecemerlangan tidak boleh datang secara spontan sahaja.

Proses pembelajaran sendiri merupakan salah satu kaedah di mana pelajar akan belajar secara individu iaitu menyelidik sendiri sesuatu bidang yang diminati (Abd. Rahim Selamat, 1989). Bidang ini tidak diajar atau dipelajari oleh pelajar lain. Oleh itu ia dipelajari di luar waktu sekolah atau darjah kerana sistem pendidikan tidak dapat melayani permintaan pelajar tertentu.

Pembelajaran sendiri perlu dilaksanakan dengan berkesan serta disusuli pula dengan perancangan yang berkesan. Dengan itu pelajar harus mempunyai motivasi yang tinggi untuk mencapai kecemerlangan dalam pelajaran. Dalam proses pembelajaran sendiri, pelajar harus mempunyai semangat yang tinggi dalam mencapai kejayaan. Kejayaan adalah hasil daripada proses pembelajaran seseorang.

Ia mungkin akan dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti faktor luaran, dalaman dan persekitaran. Faktor dalaman diri pelajar berkenaan dengan sikap dan keazaman pelajar dan menjadi kayu pengukur kepada prestasi akademik seseorang yang disebabkan oleh proses pembelajaran yang dilaluinya. Faktor luaran juga merupakan salah satu faktor yang akan dikaji oleh pengkaji untuk melihat sejauh manakah keberkesanan faktor ini dalam mempengaruhi proses pembelajaran sendiri pelajar. Manakala faktor persekitaran pula merujuk kepada kemudahan dan juga suasana belajar

dan adakah aspek ini menjadi penghalang kepada pelajar terbabit untuk melalui proses pembelajaran sendiri mereka.

1.4 Objektif Kajian

Hasil kajian ini nanti diharapkan agar pengkaji dapat:

- i. Mengetahui sama ada motivasi dalaman dapat mempengaruhi pelajar dalam proses pembelajaran sendiri.
- ii. Mengetahui sama ada motivasi luaran dapat mempengaruhi seseorang pelajar dalam proses pembelajaran sendiri.
- iii. Mengetahui faktor persekitaran dapat mempengaruhi seseorang pelajar dalam proses pembelajaran sendiri.

1.5 Persoalan Kajian

Pengkaji telah mengenal pasti persoalan kajian untuk kajian ini iaitu :

- i. Adakah faktor dalaman diri pelajar dapat mempengaruhi pelajar dalam proses pembelajaran sendiri?
- ii. Adakah faktor luaran dapat mempengaruhi pelajar dalam proses pembelajaran sendiri?
- iii. Adakah faktor persekitaran pelajar dapat mempengaruhi pelajar dalam proses pembelajaran sendiri?

1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian yang terhasil daripada persoalan kajian adalah :

1.6.1 Hipotesis Pertama

Tidak terdapat perhubungan yang signifikan di antara faktor dalaman pelajar dengan proses pembelajaran sendiri.

1.6.2 Hipotesis Kedua

Tidak terdapat perhubungan yang signifikan di antara faktor luaran pelajar dengan proses pembelajaran sendiri.

1.6.3 Hipotesis ketiga

Tidak terdapat perhubungan yang signifikan di antara faktor persekitaran dengan proses pembelajaran sendiri.

1.7 Kepentingan Kajian

Di dalam kajian ini, pengkaji ingin mengenal pasti faktor motivasi pelajar-pelajar Sekolah Menengah Teknik Persiaran Brash dan Lebu Catur Ipoh, Perak bahagian Perdagangan Tingkatan 5 boleh mempengaruhi proses pembelajaran mereka khususnya dalam pembelajaran sendiri. Kajian ini boleh memberi maklumat yang berguna kepada mereka yang mempunyai kaitan dengan kajian. Ia dapat memberi maklumat tambahan kepada pelajar mengenai kepentingan motivasi dalam proses pembelajaran seseorang.

Malah kajian ini juga berguna kepada pendidik agar dapat mengetahui sejauh manakah tahap pembelajaran pelajar di dalam proses pembelajaran berlaku yang disebabkan oleh motivasi dalam diri pelajar tersebut. Selain daripada itu, penyelidikan ini dapat memberi maklumat kepada pengkaji yang lain untuk membuat kajian berkaitan dengan motivasi pelajar dan proses pembelajaran sendiri.

Di samping itu, kajian ini juga boleh digunakan sebagai garis panduan kepada pelajar-pelajar baru semester satu di KUiTTHO dan juga institusi pengajian tinggi yang lain tentang faktor motivasi yang boleh mempengaruhi proses pembelajaran sendiri.

1.8 Batasan Kajian

Batasan kajian ini ialah :

- i. Kajian ini hanya menumpukan kepada pelajar-pelajar Sekolah Menengah Teknik Persiaran Brash dan Lebu Catur Ipoh bahagian Perdagangan

tingkatan lima. Kajian ini tidak digeneralisasikan kepada sekolah di tempat-tempat lain.

- ii. Kajian ini dibuat dalam kekangan masa dan kekangan kewangan.
- iii. Untuk mendapat kerjasama daripada responden, masalah yang dihadapi adalah untuk mendapat jawapan yang jujur dan benar-benar menepati kehendak soalan dan pengkaji. Hal ini mungkin disebabkan responden tidak mahu untuk mendedahkan maklumat peribadi mereka. Dengan itu pengkaji membuat anggapan bahawa responden telah menjawab soalan dengan betul dan jujur.

1.9 Definisi Istilah Dan Pengoperasian

1.9.1 Pengaruh

Pengaruh bermaksud perkara yang boleh memberi kesan kepada seseorang di dalam tindakan yang akan dilakukan. Manakala Kamus Dewan (2000) pula telah mentakrifkan pengaruh ialah kebolehan yang dapat mengubah perangai (Kepercayaan atau lain-lain).

Dengan itu, di dalam kajian ini pengkaji ingin mengenal pasti faktor-faktor motivasi dapat mempengaruhi dalam proses pembelajaran sendiri. Di mana pengaruh adalah merujuk kepada komponen-komponen yang ada di dalam motivasi seperti faktor dalaman, faktor luaran dan faktor persekitaran.

1.9.2 Motivasi

Robert J. Songgok (2000) telah mentakrifkan motivasi sebagai suatu perubahan tenaga di dalam diri seseorang yang ditandai dengan timbulnya afektif (perasaan) dan reaksi untuk mencapai sesuatu tujuan.

Perkataan motivasi dipetik daripada istilah Inggeris motivational, yang diambil daripada perkataan *Latin movere* yang bermaksud menggerakkan. Itulah sebabnya istilah asalnya dalam bahasa Melayu ialah penggerakan. Secara kesimpulannya motivasi ialah sesuatu yang menggerakkan seseorang untuk melakukan sesuatu (Abu Azahari Abu Bakar, 1988).

Keadaan dalaman yang menggerakkan seseorang untuk mencapai sesuatu disebut sebagai motivasi intrinsik atau penggerakkan intrinsik. Manakala keadaan luaran yang menggerakkan seseorang untuk mencapai sesuatu disebut motivasi ekstrinsik atau penggerakan ekstrinsik. Begitu pula dengan keadaan persekitaran juga boleh menggerakkan seseorang untuk mencapai sesuatu yang diinginkan. Jadi bagi tujuan kajian ini, pengkaji melihat dari sudut motivasi daripada tiga faktor iaitu faktor dalaman, luaran dan persekitaran.

1.9.3 Proses Pembelajaran Kendiri

Proses pembelajaran merupakan satu proses di mana seseorang dalam mencari maklumat dan pengetahuan, penguasaan dan kemahiran serta pembentukan sikap mereka sendiri. Pembelajaran kendiri merujuk kepada amalan pelajar-pelajar berbincang

sesama pelajar, berbincang dengan guru, membuat latihan pengukuhan sendiri, membuat nota-nota, dan membuat penyelidikan sendiri di dalam proses pembelajaran. (Muhammad Hussin, 1995).

1.9.4 Pelajar

Pelajar dalam konteks kajian ini merupakan pelajar-pelajar daripada dua buah Sekolah Menengah Teknik di Ipoh iaitu Sekolah Menengah Teknik Persiaran Brash dan Sekolah Menengah Teknik Lebu Catur. Pelajar-pelajar ini belajar dalam kursus Perdagangan tingkatan lima sahaja yang mana telah menduduki Peperiksaan Menengah Rendah (PMR) pada tahun lepas.

1.10 Kesimpulan

Sebagai seorang pelajar mereka mempunyai matlamat dalam akademik iaitu ingin memperolehi pencapaian akademik yang cemerlang. Dengan itu mereka perlu memilih sendiri proses pembelajaran yang sesuai khususnya dalam proses pembelajaran sendiri. Dengan mempunyai motivasi seperti dalaman, luaran dan persekitaran akan dapat mempengaruhi pelajar dalam proses pembelajaran sendiri yang mereka telah pilih. Namun adakah motivasi ini dapat mempengaruhi proses pembelajaran sendiri pelajar-pelajar tersebut. Oleh itu di dalam bab ini telah membincangkan tentang latar belakang masalah, pernyataan masalah kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini. Bab seterusnya akan membincangkan serta melihat kajian-kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji yang lain terhadap perkaitan dengan kajian ini.

SENARAI BIBLIOGRAFI DAN RUJUKAN

- Abd. Halim Al. Muhammadi (1991). "Pendidikan Guru. Kuala Lumpur" : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abd Rahim Selamat (1989). "Belajar Cara Belajar." Edisi : 3, Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Abu Azahari Abu Bakar (1988). "Memahami Psikologi Pembelajaran." Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Adair, J. (1989). "The Action-Centered Leader." Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Alexander, W.W, Burke W.I. (1972). "Independent Study In Secondary School." Interchange. 3(2-3), 101-113
- Alexander, W.W, Hines, V.A (1967). "Independent Study In Secondary School." New York: Holt Rinehart & Winston.
- Atkinson, J. W. & Birch. D. (1978). "An Introduction To Motivation." (2nd ed.). New York: D. Van Norstrand Company.
- Asmady Idris (2000). "Motivasi Kejayaan." Edisi Pertama. Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ausubel, D.P. (1969). "Educational Psychology : A Cognitive View." New York: Hoet, Rinchart & Winston.
- Bandura, A. (1977). "Self-Efficacy: Towards A Unifying Theory Of Behaviour Change." Psychological Review. 84. 191-215.

- Beeler, K.D. (1979). "Student Self-Directed Learning" : An Essential Goal In Educational. 20-22. New York: Delta Pi Record.
- Bidin Yatim (2000). "Statistik Gunaan." Universiti Utara Malaysia, Kedah
- Biggs J.B (1989), "Approaches To The Enhancement of Tertiary Learning, Higher Education Research and Development." 8(1), pp 7-25.
- Bloom, B.S. 1968. "All Our Children Learning." New York: McGraw-Hill.
- Brophy, J. (1987). "Conceptualizing Student Motivation." In H. F. Clarizio, R. C. Craig & W. A. Mehrens (Eds.), *Contemporary Issues in Educational Psychology*, 5th. ed. Singapore: McGraw-Hill, pp.304-315.
- Carmen. S. & Karen. T. (2000). "The Development Of Independent Study and Modern Language Learning In Non- Specialist Degree Course" : A Case Study Journal Of Further and Higher Educational. Vol. 24.
- Chaplin, J.(1985). "Dictionary of Psychology." New York: McGraw Hill.
- Combs, A.W. (1982). "Affective Education Or None At All." *Educational Leadership*. 39(7), 494-497.
- Connell. W. F. (1981). "Asas Pendidikan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- David W. Johnson (1974). "Goals Structure And Open Education. *Journal and Development in Education*." Vol. 8.
- Dick W. & Reiser R.A . (1989). "Teaching Students To Teach Themselves." New York : Nichols Publishing.

- Dressel, P.L, Thompsons M.M. (1973). "Independent Study." San Francisco: Jossey-Bass.
- Dr. Ismail Zain (2002). "Pendidikan Bertaraf Dunia Ke Arah Pembestarian Pengajaran Dan Pembelajaran." Motivasi Utusan.
- Dr. Nagedraligam dan Rakan-Rakan (1996). "Gaya Belajar Pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah Di Perak, Kedah dan Pulau Pinang." Kuala Lumpur: Pusat Dokumentasi.
- Ee Ah Meng (1997). "Pedagogi II: Pelaksanaan Pengajaran." Shah Alam : Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Farmer, H.S. and Fyans, L.J. (1980). "Women's achievement and career motivation: their risk taking patterns, home-career conflict, sex role orientation, fear of success, and self-concept." In: Fyans L.J (Ed) Achievement Motivation: Recent Trends in Theory and Research, Plemum Press, New York. pp.390-416
- Habibah Elias (1997). "Motivasi Keluarga Bahagia." Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Haji Samsudin Haji Abd. Hamid (1994). "Motivasi Ke arah Kecemerlangan." Jurnal Gemilang Keluaran 8, Upsi Tangjung Malim Perak
- Haris Md. Jadi (1991), "Reformasi Kurikulum Di Malaysia." Jurnal Pendidik Dan Pendidikan, USM.
- Hoy, W. K. & Miskel, C. G. (1991). "Educational Administration: Theory, Research And Practice." (4th.ed.). New York: McGraw Hill Inc.
- Jaafar Muhamad (1992). "Asas Pengurusan." Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd..

Jerome S. Brunner (1971). "Educational Psychology. A Realistic Approach." Kuala Lumpur :Logman.

.....Kamus Dewan Dan Pustaka (1997). Edisi 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Likert, R. (1967). "The Human Organization." New York: McGraw-Hill.

Malone, T.W. (1981). "Towards A Theory of Intrinsically Motivating Instruction." New Jersey.

Maslow, A. H. (1954). "Motivation And Personality." New York: Harper and Row Publishers, Inc.

McClelland, D. C. (1961). "The Achieving Society." New Jersey: D. Van Nostrand Company, Inc.

McClelland, D. C (1969). "Motivating Economic Achievement." New York : The Free Press.

McClelland, D.C., Atkinson, J.W & Lowell, E.L. (1953). "The Achievement Motive." New York: Appleton-Century-Croft.

Miner, J.N. ((1993). "Role Motivation Theory." New Jersey: Prentice Hall.

Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). "Penyelidikan Pendidikan." Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Azli. (1994). "Teknik-Teknik Belajar Cara Belajar Dan Aplikasi Di Dalam Proses Pembelajaran." Jurnal Pendidikan, Maktab Perguruan Sandakan, Sabah.

- Mohd Daud Hamzah. (1990). "Dorongan dan Pembelajaran." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noorsuriani Nazrudin. (2000). "Penglibatan Pelajar Dalam Kegiatan Kokurikulum Sukaneka: Satu Tinjauan Di Ittho." Kajian Kes Sarjana. Institut Teknologi Tun Hussien Onn.
- Muhammad Hussin. (1994). "Amalan Pembelajaran Penerokaan Kendiri dalam Matapelajaran Ekonomi di Kalangan pelajar Melayu Tingkatan 6 Rendah Programe For Innovations." Excellence & Research (PIER).
- Muhammmad Ashlyzan Razik, (2002). "Pengaruh Motivasi Belajar dan Kesannya Terhadap Prestasi Akademik Pelajar-Pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik." Sessi 2000/2001 KUiTTTHO.
- Murugadas a/l Ramdas (2001). "Penghasilan dan Penilaian Modul Pembelajaran Kendiri Bagi Mempertingkatkan Penggunaan Statistik Dalam Penyelidikan Di kalangan Pensyarah JPTV KUiTTTHO." Institut Teknologi Tun Hussien Onn: Tesis Sarjana.
- Nik Azis Nik Pa. (1996). "Perkembangan Profesional: Penghayatan Matematik KBSR dan KBSM." Kuala Lumpur: DBP
- Noraini Kaprawi (1996). "Hubungan Program-program Kualiti Kehidupan Bekerja Dengan Kepuasan Kerja Dan Penglibatan Kerja Bagi Pekerja-Pekerja CABOT." Kajian Tinjauan Di CABOT (Malaysia) Sdn. Bhd. Port Dickson, Negeri Sembilan UTM: Projek Sarjana.
- Noraini Kaprawi (2000). "Quality Of Working Life And Organizational Effectiveness In Public And Private Higher Education Institution." Universiti of Manchester : Phd.

- Patterson, C.H. (1973). "Humanistic Education. Englewood Cliffs." New York: Prentice-Hall.
- Rogers, C.R. (1969). "Freedom to Learn." Columbus, OH: Merrill.
- Rogers, C.R. & Freiberg, H.J. (1994). "Freedom to Learn." 3rd. ed. Columbus, OH: Merrill/Macmillan.
- Rohani Abdul Rahim. (1998). "Keperluan Pendidikan Abad Ke-21 : Projek Sek Bestari. Proseing Seminar Isu-Isu Pendidikan Negara." Universiti Kebangsaan Malaysia. Nov. 26-27
- Spenser Kagan (Ed.) (1992). Cooperative Learning, KCL Publisher.
- Sulaiman Ngah Razali (1996). "Analisis Data dalam Penyelidikan Pendidikan." 1st. ed. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Trigwell,K. Prosser,M. (1991). "Improving The Quality Of Student Learning." Journal of Higher Education. Hlm.251-256
- Uma Sekaran (1992). "Research Methods For Business." 3rd. ed. New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Valett, R.E. (1977). "Humanistic Education." St Louis, MO: Mosby.
- Vroom, V (1964). "Motivation Theory." London: Cassel Educational Ltd.